



# AEC Ke Arah Ekonomi yang Saksama

**S**IDANG kemuncak ASEAN Ke-27 yang sudah melabuhkan tirainya pada 22 November yang lalu menyaksikan lembaran baharu apabila termeterainya 14 deklarasi, empat perjanjian dan yang paling utama, Pelan Tindakan Komuniti ASEAN yang berjaya ditandatangani. Kejayaan negara anggota untuk memeterai perjanjian penubuhan Komuniti ASEAN merupakan kejayaan besar bagi memastikan 650 juta rakyat ASEAN mendapat manfaat yang saksama.

Perjanjian yang ditandatangani oleh pemimpin ASEAN dan tuan rumah, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, mengimbas kembali sejarah Tun Abdul Razak Hussien dan pengasas yang lain yang menandatangani Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 di Thailand yang menyaksikan penubuhan ASEAN.

Kejayaan besar ini merupakan rentetan daripada usaha demi usaha yang dilaksanakan oleh pemimpin ASEAN pada Persidangan ASEAN Kesembilan, pada 7 Oktober 2003, yang telah bersetuju untuk membangunkan Komuniti ASEAN

menjelang tahun 2020 dengan visi bagi mencapai kemashlahatan rakyat ASEAN. Komuniti itu melibatkan tiga komponen utama, iaitu komuniti ekonomi, komuniti keselamatan dan komuniti sosiobudaya.

Kejayaan pembentukan Komuniti ASEAN merupakan kejayaan manis lebih-lebih lagi Malaysia yang merupakan Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 di bawah pimpinan Dato' Sri Mohd. Najib. Melalui perjanjian tersebut, Komuniti ASEAN terbentuk secara rasminya pada 31 Disember 2015 yang lepas. Pembentukan Komuniti ASEAN menandakan permulaan era baharu bagi ASEAN sebagai komuniti yang mempunyai kesepaduan politik, ekonomi yang kukuh dan tanggungjawab sosial yang tinggi. Melalui Pelan Tindakan Komuniti ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang merupakan salah satu komponen utamanya berjaya dibentuk.

Penubuhan AEC merupakan pelan ekonomi yang ditunggu-tunggu selama ini dan dicanangkan oleh pakar ekonomi ASEAN, termasuklah mantan Perdana





Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Saban tahun banyak pihak menggesa agar AEC dimeterai supaya ASEAN dapat memanfaatkan semua sumber dan kepakaran yang ada bagi melestarikan ekonomi ASEAN yang inti patinya berlandaskan Asia.

Tun Dr. Mahathir pernah berkata bahawa Asia ialah benua yang unik, hanya orang Asia yang faham akan selok-belok dan rencam pengurusan ekonomi Asia tanpa bantuan negara luar. Oleh itu, AEC merupakan jalan yang terbaik bagi negara anggota ASEAN untuk melindungi ekonomi dan kepentingan rakyat ASEAN.

Kejayaan ini merupakan legasi yang signifikan untuk dibina dalam usaha bagi memacu perubahan memandangkan iklim ekonomi dunia yang tidak menentu, di samping percaturan geopolitik oleh kuasa besar dunia yang menghala ke Timur pada ketika ini. Malahan rekod sebelum ini menunjukkan ASEAN gagal dalam pembangunan kerjasama ekonomi walaupun banyak perjanjian yang sudah disepakati. Sebagai contoh, Perjanjian Skim Perdagangan Keutamaan yang ditandatangani pada tahun 1978. Perjanjian tersebut gagal bagi mencapai objektifnya dan digantikan dengan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 1991.

Untuk melaksanakan AFTA pula banyak halangan yang perlu ditempuhi, terutama bagi

menyeragamkan undang-undang dan peraturan berkaitan ekonomi yang berbeza-beza dalam kalangan negara anggota. Malahan usaha demi usaha sentiasa direncanakan oleh kuasa besar dunia untuk mendekati negara ASEAN bagi meliberalisasikan ekonomi dan membuka peluang yang lebih luas dalam sektor ekonomi serantau, contohnya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) oleh Amerika Syarikat dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) oleh China.

Sejak terbentuknya ASEAN sebagai organisasi kerjasama serantau pada tahun 1967, negara anggota meletakkan ekonomi sebagai asas kerjasama utama merentas aspek politik dan sosial. Malahan sehingga hari ini, warna dan corak persidangan ASEAN banyak berkisarkan soal ekonomi.

Antara projek kerjasama ekonomi ASEAN pada awal penubuhannya termasuklah ASEAN *Industrial Projects Plan* (1976), *Preferential Trading Arrangement* (1977), *ASEAN Industrial Complementation Scheme* (1981), *ASEAN Industrial Joint-Ventures Scheme* (1983), dan *Enhanced Preferential Trading Arrangement* (1987). Namun demikian, pada dekad tersebut kerjasama ekonomi melibatkan negara anggota sahaja.

Sedar akan hakikat bahawa ekonomi merupakan mekanisme utama bagi melestarikan ASEAN, maka negara anggota bersetuju untuk meliberalisasikan ekonomi mereka dengan termeterainya *Framework Agreement on Enhancing ASEAN Economic Cooperation* pada tahun 1992. Melalui perjanjian tersebut, AFTA terbentuk secara rasminya pada 1 Januari 1993 dengan *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) sebagai mekanisme utama pelaksanaan AFTA.

Pelaksanaan AFTA menandakan kerjasama ekonomi ASEAN memasuki fasa baharu yang lebih mencabar dalam konsep liberal dan keterbukaan ekonomi. Objektif AFTA tercapai, namun tidak menyeluruh kerana banyak halangan, terutamanya bagi negara yang melindungi kepentingan ekonomi masing-masing. Sebagai contoh, Malaysia melindungi kereta nasionalnya (Proton) dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi memastikan sektor tersebut tidak terjejas disebabkan oleh dasar pasaran terbuka.

Begitu juga dengan negara lain yang mempunyai sektor "istimewa" yang perlu dilindungi. Maka untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi merentas sempadan, Persidangan ASEAN Kesembilan di Bali, bersepakat untuk membentuk Komuniti ASEAN dengan salah satu tonggaknyanya ialah AEC.

AEC merupakan pasaran tunggal yang merangkumi 700 juta orang penduduk yang akan mentransformasikan corak perdagangan dan ekonomi intra-ASEAN pada masa akan datang. AEC akan mendasari pertumbuhan ekonomi negara anggota dengan membuka peluang ekonomi yang lebih luas dengan alirah bebas sektor perkhidmatan, barangan, tenaga kerja, pelaburan, dan pasaran modal, sekali gus dapat bersaing dengan kuasa besar ekonomi dunia, seperti China, India, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

AEC pada dasarnya merupakan buah fikiran mantan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, dan cadangan itu dilontarkan oleh beliau pada Persidangan ASEAN pada tahun 2002. Cadangan beliau diambil kira oleh ASEAN dan jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Menteri Ekonomi ASEAN, iaitu Jawatankuasa Kerja Tertinggi Menteri Ekonomi ASEAN (HLTF) yang diarahkan untuk melihat dan merangka hala tuju pembentukan AEC. Cadangan penubuhan AEC mendapat sokongan yang menggalakkan memandangkan dunia luar juga membentuk pakatan ekonomi, seperti Kesatuan Eropah dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Dalam usaha untuk mengukuhkan visi dan misi AEC, ASEAN *Economic Ministers Meeting* (AEM) yang bersidang di Kuala Lumpur pada tahun 2006, bersepakat dan bersetuju dalam pembentukan AEC *Blueprint* yang mengenal pasti ciri dan elemen AEC pada tahun 2015, menjelang pelaksanaan penuh pada tahun 2020. Rangka tindakan (*Blueprint*) tersebut dikemas kini dan disusun semula oleh sekretariat ASEAN melalui *Declaration on the Acceleration of the Establishment of an ASEAN Community by 2015* di Persidangan ASEAN Ke-12 di Cebu, pada Januari 2007. Antara elemen dan ciri penting AEC termasuklah pasaran tunggal; kawasan ekonomi berdaya tinggi; kawasan ekonomi yang saksama; dan kawasan ekonomi berintegrasi sepenuhnya dengan ekonomi global.

AEC juga ditebak dengan halangan dan cabaran bagi memastikannya mampu direalisasikan menjelang tahun 2020. Malahan isunya masih sama dan berulang, seperti keengganan negara anggota untuk menghapuskan tarif dan cukai bagi melindungi industri tempatan, terutamanya dalam sektor automotif dan tekstil.

Namun begitu, kejayaan Malaysia selaku pengerusi ASEAN 2015 berjaya membuka mata dunia apabila negara anggota bersetuju dalam pembentukan AEC yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada November 2015 lalu melalui Deklarasi Kuala Lumpur. Perjanjian tersebut turut disaksikan

oleh pemimpin utama dunia yang juga rakan dagangan ASEAN, iaitu pemimpin Amerika Syarikat, India, China dan Rusia.

Pembentukan AEC secara dasarnya akan memberikan manfaat kepada penduduk di negara ASEAN, termasuk Malaysia, melalui persekitaran ekonomi yang lebih fleksibel dan kondusif. Melalui elemen penting yang digariskan dalam rangka tindakan AEC seperti aliran bebas barangan dan perkhidmatan, modal dan pelaburan memberikan peluang yang cukup luas kepada peniaga, pengusaha, dan pemain modal tempatan untuk meningkatkan jaringan perniagaan di negara ASEAN.

Malaysia umpamanya, sebuah negara yang unik dengan biodiversiti dan demografi yang pelbagai sudah pasti akan menerima tempias daripada pelaksanaan AEC menjelang tahun 2020. Selaku sebuah negara ekonomi Islam yang paling maju di dunia melalui pengiktirafan yang diterima di Forum Ekonomi Islam Sedunia Ke-11, sudah pasti pelaksanaan AEC dapat merencanakan sektor sukk Islam dan sistem kewangan Islam yang akan dieksport ke negara ASEAN. Status Malaysia sebagai penerbit sukk terbesar dunia juga menjanjikan peluang yang besar bagi penanam modal untuk terus melabur di Malaysia setelah halangan, seperti tarif dan perundangan, diminimumkan.

Sektor PKS juga lebih berdaya saing dengan industri luar, malahan dapat mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke seluruh negara ASEAN tanpa halangan dan sekatan. Begitu juga dengan syarikat perniagaan gergasi tempatan, seperti Petronas, DiGi, UMW, Khazanah dan Maybank yang sudah memasuki pasaran ASEAN dan selepas ini, syarikat itu akan mengukuhkan empayar perniagaan

**Cadangan penubuhan AEC mendapat sokongan yang menggalakkan memandangkan dunia luar juga membentuk pakatan ekonomi.**

**Pelaksanaan AFTA menandakan kerjasama ekonomi ASEAN memasuki fasa baharu yang lebih mencabar dalam konsep liberal dan keterbukaan ekonomi.**





mereka di luar negara. Secara tidak langsung perkembangan ini bakal meningkatkan KDNK negara dan meningkatkan hasil cukai yang akan dibayar kepada kerajaan dan dipulangkan semua kepada rakyat marhaen melalui bentuk subsidi dan projek pembangunan.

Pada masa yang sama, pelaksanaan AEC tetap ditebak dengan persoalan tertentu, terutama berkaitan dengan daya saing industri tempatan. Soalnya bukan AEC semata-mata, bahkan perjanjian lain seperti TPPA yang diterajui oleh Amerika Syarikat yang dimeterai oleh kerajaan dalam proses meliberalisasikan ekonomi negara.

Malahan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 juga menyaksikan China terus kekal dengan idea penubuhan RCEP sebagai mekanisme perjanjian ekonomi yang mendasari hubungan ekonomi serantau ASEAN dengan China.

Tambahan pula, rakan dialog ASEAN, seperti India dan Rusia, turut menunjukkan minat yang tinggi terhadap pasaran ASEAN, jika tidak negara kuasa besar dunia tidak akan ada bersama-sama pada persidangan itu. Kehadiran kuasa besar ekonomi itu membayangkan bahawa pengusaha tempatan bukan sahaja perlu bersaing dengan peniaga daripada kalangan negara ASEAN, bahkan saingan juga datang dari negara gergasi tersebut. Soalnya, adakah pengusaha dan PKS tempatan mampu bersaing dengan pengusaha

**Peranan kerajaan amat penting bagi memastikan isu yang melingkari perjanjian ekonomi ini ditangani dengan sebaiknya.**

luar yang datang dari tiga benua yang berbeza? Jika pasaran tiga benua itu mempunyai jumlah rakyat yang luas, tetapi adakah hak dan keistimewaan peniaga tempatan akan tersisih kerana aliran bebas modal dan barangan tanpa sekatan?

Kerajaan memberikan jaminan bahawa industri tempatan dan PKS tidak akan terjejas akibat daripada pelaksanaan perjanjian ekonomi yang ditandatangani. Walaupun Malaysia berdepan dengan cabaran untuk memurnikan hubungan ekonomi serantau dengan kuasa besar dunia, negara kita tetap komited untuk menyertai rundingan ekonomi berskala gergasi ini agar kebaikannya mampu diterjemahkan dan memberikan manfaat kepada kira-kira 30 juta rakyat Malaysia.

Sememangnya cabaran Malaysia amat besar pada ketika ini, apatah lagi dengan percaturan geopolitik kuasa besar dunia yang kini condong terhadap Asia, yang pastinya memberikan tempas yang sama kepada Malaysia. Namun begitu, sejak krisis kewangan Asia 1997/98, Malaysia dan negara membangun yang lain memerlukan mekanisme ekonomi yang baharu dan lebih luas bagi mengukuhkan ekonomi domestik. Oleh itu, perjanjian ekonomi yang dicadangkan oleh kuasa besar dunia itu merupakan salah satu jawapan kepada permasalahan tersebut. Walau bagaimanapun, Malaysia perlu berdepan dengan banyak perjanjian ekonomi yang berbeza dasar dan perundangannya dan yang pastinya, belum terjamin keberkesannya untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Peranan kerajaan amat penting bagi memastikan isu yang melingkari perjanjian ekonomi ini ditangani dengan sebaiknya. Nasihat dan kritikan yang dilemparkan oleh badan bukan kerajaan dan pakar ekonomi negara juga perlu diambil kira dan dijadikan sebagai nilai tambah terhadap pelaksanaan AEC. Dalam usaha mengikut arus perubahan ekonomi terbuka, kerajaan harus mempunyai pendekatan yang berbeza dan inklusif bagi memastikan industri tempatan dan hak pengguna terus dilindungi dan kekal dinikmati oleh generasi akan datang.

Dengan ketidaktentuan ekonomi dunia kini, melalui kejatuhan harga minyak mentah dunia yang menjejaskan ekonomi Malaysia, ekonomi China yang merudum, kejatuhan nilai mata wang dan sebagainya, sudah pastinya tindakan pantas kerajaan dalam isu ini amat dinanti-nantikan. AEC merupakan wadah yang tepat, namun perlu bersulamkan asas dan kerangka yang mampu memberikan kebaikan yang menyeluruh kepada semua pihak. ●